



KETUA PENGARAH PENDIDIKAN TINGGI  
DIRECTOR GENERAL OF HIGHER EDUCATION  
Jabatan Pendidikan Tinggi  
Department Of Higher Education  
Kementerian Pengajian Tinggi  
Ministry of Higher Education Malaysia  
Aras 9, No.2, Menara 2,  
Jalan P5/6, Presint 5  
62200 PUTRAJAYA  
MALAYSIA

**JPT** | JABATAN  
PENDIDIKAN  
TINGGI

Tel: 603-88706439  
Faks (Fax): 603-88706840  
Portal Rasmi: <http://jpt.moe.gov.my>

Ruj. Kami : JPT.S(G)2000/016/033 Jld.2 (19)  
Tarikh : 13 Oktober 2020

## SENARAI SEPERTI EDARAN DI LAMPIRAN

YBhg. Tan Sri/Datuk/Dato'/Prof.,


### PEMAKLUMAN AM KEPADA UNIVERSITI AWAM BAGI MENANGANI SITUASI SEMASA BERHUBUNG DENGAN PANDEMIK COVID-19

Dengan hormatnya saya merujuk perkara di atas.

2. Adalah dimaklumkan bahawa satu mesyuarat telah diadakan bersama semua Naib Canselor Universiti Awam (UA) pada 10 Oktober 2020 berkaitan dengan kemasukan secara fizikal pelajar ke UA. Mesyuarat tersebut telah membincangkan isu-isu UA dalam mendepani pandemik COVID-19 khususnya berkaitan kemasukan pelajar secara fizikal dan keperluan pembelajaran dalam talian.

3. Sehubungan itu, bagi maksud memastikan kelancaran operasi UA semasa pandemik COVID-19 ini, Mesyuarat telah bersetuju supaya pihak pengurusan tertinggi universiti memberikan perhatian sewajarnya kepada perkara-perkara seperti berikut:

- a) Keselamatan Kampus
  - Pihak universiti hendaklah memastikan kampus mengamalkan perkara-perkara yang ditetapkan dalam Garis Panduan dan Arahan-arahan dalam Perintah Kawalan Pergerakan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN) bagi memastikan keselamatan di kampus universiti awam adalah terjamin; dan



- Bagi premis universiti yang terjejas dan mempunyai kes positif COVID-19, langkah disinfeksi dan nyahkuman perlu dilaksanakan bagi menjamin keselamatan para pelajar di dalam kampus.

b) Pelan Komunikasi Universiti Awam

- Pihak universiti perlu memastikan penyaluran maklumat yang tepat dan terkini berkaitan status di universiti awam masing-masing disampaikan secara konsisten dan berterusan kepada kakitangan universiti, pelajar dan ibu bapa bagi mengelakkan kebimbangan terhadap ketidakpastian pandemik COVID-19.

c) Pembelajaran secara dalam talian

- Pihak universiti hendaklah memantau dan membantu agar pelajar yang mengikuti sesi pengajaran dan pembelajaran (PdP) dalam talian dan kakitangan yang bekerja dari rumah mempunyai akses talian yang memuaskan dan mencukupi.

d) Cadangan Kemasukan Semula Pelajar Secara Fizikal ke Universiti Awam

- Kemasukan semula pelajar secara fizikal ke universiti awam ditangguhkan sehingga hujung tahun 2020 kecuali bagi pelajar yang berkeperluan.
- Pelajar-pelajar berkeperluan yang perlu kembali ke kampus atas pelbagai sebab seperti latihan klinikal, peperiksaan profesional, makmal, studio, amali atau akses internet dan seumpamanya boleh berbuat demikian jika keadaan mengizinkan pada bila-bila masa mengikut kesesuaian dan kesediaan kampus.

e) Kebajikan Pelajar


- Pihak universiti perlu mengambil perhatian bagi isu kebajikan pelajar terutamanya keadaan emosi para pelajar yang terkesan dan keperluan perkhidmatan kaunseling dalam membantu perkara ini; dan
- Pihak universiti juga dimohon untuk prihatin di atas apa-apa keperluan dan pembelajaran pelajar yang terkesan dengan COVID-19.

4. Ketidaktentuan situasi pandemik COVID-19 ini memerlukan kerjasama semua pihak dalam memastikan norma baharu diguna pakai secara berkesan bagi menjamin kelangsungan operasi universiti awam terpelihara. Segala perhatian dan kerjasama pihak YBhg. Tan Sri/Datuk/Dato'/Prof. berhubung perkara ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menjalankan amanah,



(PROF. DATO' SERI DR. MOHAMED MUSTAFA BIN ISHAK)  Pejabat Naib Canselor

s.k.

KSU KPT

Pengerusi LPU UA

SUSK YBM

Edaran untuk tindakan :

TNC (Akademik & Antarabangsa)	Pro Naib Canselor (Strategi)
TNC (Penyelidikan & Inovasi)	Pro Naib Canselor (Antarabangsa)
TNC (Hal Ehwal Pelajar)	Pengarah Kerja
TNC (Pembangunan)	Pegawai CICT
Pendaftar	Pegawai Undang-Undang
Pengarah HEK	Pegawai Khas NC
Berusahaari	PPK - Pej NC
Ketua Pustakawan	PP - SMO
Pro Naib Canselor (UTMKL)	Dekan

Catatan : *all ipm*

TT: 

Tarikh: *12/10/2020*

**SENARAI EDARAN**

**YBhg. Datuk Ir. Abdul Rahim Hashim**  
Pejabat Naib Canselor  
Bangunan Naib Canselor  
Universiti Malaya  
**50603 KUALA LUMPUR**

**YBrs. Prof. Dr. Faisal Rafiq Mahamd Adikan**  
Naib Canselor  
Universiti Sains Malaysia  
Aras 6, Bangunan Canselori  
**11800 PULAU PINANG**

**YBhg. Dato' Prof. Ir. Dr. Mohd Hamdi Abdul Shukor**  
Naib Canselor  
Universiti Kebangsaan Malaysia  
Aras 6, Bangunan Canselori  
43600 Bangi  
**SELANGOR**

**YBrs. Prof. Dr. Mohd Roslan Sulaiman**  
Naib Canselor  
Universiti Putra Malaysia  
43400 Serdang  
**SELANGOR**

**YBhg. Prof. Datuk Ts. Dr. Ahmad Fauzi Bin Ismail**  
Yang Menjalankan Fungsi  
Naib Canselor  
Universiti Teknologi Malaysia  
Bangunan Canselori Sultan Ibrahim  
81310 UTM Johor Bahru  
**JOHOR**

**YBhg. Tan Sri Dato' Prof. Emeritus Dzulkifli Abdul Razak**  
Rektor  
Universiti Islam Antarabangsa Malaysia  
Aras 4, Bangunan Rektor  
Kampus Gombak  
53100 SELANGOR

**YBhg. Dato' Prof. Dr. Ahmad Bashawir bin Hj. Abdul Ghani**  
Naib Canselor  
Universiti Utara Malaysia  
Aras 5, Bangunan Canselori  
06010 Sintok  
**KEDAH**

**YBhg. Datuk Prof. Dr. Mohamad Kadim bin Suaidi**  
Naib Canselor  
Universiti Malaysia Sarawak  
Penthouse, Bangunan CAUH Kampus Barat  
94300 Kota Samarahan  
**SARAWAK**

**YBhg. Datuk Prof. Dr. Taufiq Yap Yun Hin**  
Naib Canselor  
Universiti Malaysia Sabah  
Aras 6, Bangunan Canselori, Blok Selatan  
Jalan UMS  
88400 Kota Kinabalu  
**SABAH**

**YBhg. Dato' Prof. Dr. Mohamad Shatar bin Sabran**  
Naib Canselor  
Universiti Pendidikan Sultan Idris  
35900 Tanjung Malim  
**PERAK**

**YBrs. Prof. Dr. Mohamed Ridza bin Wahiddin**  
Naib Canselor  
Universiti Sains Islam Malaysia  
Bandar Baru Nilai  
71800 Nilai  
**NEGERI SEMBILAN**

**YBhg. Datuk Prof. Emeritus Ir. Dr. Mohd Azraai bin Kassim**  
Naib Canselor  
Aras 6, Canseleri Tuanku Syed Sirajuddin  
Universiti Teknologi MARA  
40450 Shah Alam  
**SELANGOR**

**YBhg. Dato' Prof. Dr. Nor Aieni binti Mokhtar**  
Naib Canselor  
Universiti Malaysia Terengganu  
21030 Kuala Terengganu  
**TERENGGANU**

**YBhg. Datuk Prof. Ts. Dr. Wahid bin Razzaly**  
Naib Canselor  
Universiti Tun Hussein Onn Malaysia  
86400 Parit Raja  
Batu Pahat  
**JOHOR**

**YBhg. Datuk Wira Prof. Dr. Raha Abdul Rahim**  
Naib Canselor  
Universiti Teknikal Malaysia Melaka  
Hang Tuah Jaya  
76100 Durian Tunggal  
**MELAKA**

**YBrs. Prof. Ir. Dr. Wan Azhar Wan Yusoff**  
Naib Canselor  
Universiti Malaysia Pahang  
Aras 3, Canseleri Tun Abdul Razak  
26600 Pekan  
**PAHANG**

**YBrs. Prof. Ir. Ts. Dr. R. Badlishah Ahmad**  
Naib Canselor  
Universiti Malaysia Perlis  
Tingkat 11, Bangunan KWSP  
Jalan Bukit Lagi  
01000 Kangar  
**PERLIS**

**YBhg. Dato' Prof. Dr. Hassan Basri Awang Mat Dahan**  
Naib Canselor  
Universiti Sultan Zainal Abidin  
Kampus Gong Badak  
21300 Kuala Terengganu  
**TERENGGANU**

**YBhg. Dato' Prof. Ts. Dr. Noor Azizi Ismail**  
Naib Canselor  
Universiti Malaysia Kelantan  
Kampus Bachok  
16300 Bachok  
**KELANTAN**

**YBhg. Lt Jen Datuk Haji Abdul Halim bin Haji Jalal**  
Naib Canselor  
Universiti Pertahanan Nasional Malaysia  
57000 Kem Sungai Besi  
**KUALA LUMPUR**

